

m

**PARLIMEN
MALAYSIA**

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat
Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

HARI RABU: 19 OKTOBER 2011

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

SOALAN NO: 1

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun]

TARIKH : 19 OKTOBER 2011

SOALAN : Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- (a) berapakah jumlah nelayan dalam negeri dan mengikut kategori; dan
- (b) apakah sumbangan pihak Kementerian kepada nelayan pantai di bawah 10 batu nautika supaya pendapatan mereka melebihi garis pendapatan mudah miskin.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS

TANI Tuan Yang Dipertua,

- (a) Bilangan serta jumlah nelayan tempatan mengikut Zon perikanan adalah seperti berikut:

Zon	Jarak	Bilangan Nelayan (orang)
A	0-5 batu nautika	74,985
B	5 - 12 batu nautika	19,621
C	12 - 30 batu nautika	14,640
C2	30 batu nautika ke atas	19,876
C3	perairan laut antarabangsa	500
Jumlah		129,622

(b) Bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membantu nelayan pantai meningkatkan pendapatan mereka adalah seperti berikut:

- i. Memberi petrol dan diesel pada harga subsidi RM1.25 seliter bagi nelayan pantai berbanding dengan nelayan C2 sebanyak RM1.80 seliter;
- ii. Memberi elaun sara hidup sebanyak RM200.00 sebulan kepada pekerja nelayan dan pemilik vesel;
- iii. Memberi insentif tangkapan ikan pada kadar RM0.10 bagi setiap kilogram ikan yang didarat dan diisytiharkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM);
- iv. Menyediakan pinjaman mudah di bawah Program Dana Nelayan bagi meningkatkan keupayaan vesel nelayan pantai untuk meningkatkan produktiviti tangkapan dan menambah pendapatan mereka; dan
- v. Menjalin kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan menyediakan kemudahan perumahan bagi nelayan miskin di Tok Bali, Kelantan sebanyak 300 buah yang bernilai RM27.8 juta dengan harga RM33.000 sebuah.

Di samping itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga melaksanakan program jangka masa panjang untuk meningkatkan pendapatan nelayan seperti berikut:

- a. Program Transformasi Nelayan melalui penggunaan vesel menangkap ikan yang lebih besar bagi menggantikan sampan yang digunakan oleh nelayan kecil pantai pada masa ini. Di bawah program ini, 3 hingga 5 orang pemilik sampan digalakkan untuk menubuhkan satu syarikat dengan kemudahan pinjaman RM100,000 seorang dengan nilai maksimum pinjaman sebanyak RM500.000. Walaubagaimanapun, Kementerian merancang untuk memberikan pinjaman

maksimum tersebut kepada seorang nelayan kerana penubuhan syarikat memakan masa dan mempunyai beberapa masalah tertentu.

Program Pasar Nelayan yang membolehkan nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan mereka secara terus kepada pengguna dengan bilangan di seluruh negara sebanyak 24 buah.

Pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan yang bertujuan untuk menarik lebih ramai peniaga/pembeli untuk membeli dan menjual hasil tangkapan pada harga yang berpatutan. Kita mempunyai 34 buah di seluruh negara dengan perbelanjaan RM235.75 juta.

Menggalakkan penubuhan kumpulan wanita nelayan (KUNITA) untuk membantu keluarga nelayan dengan melaksanakan aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan tambahan. LKIM menyediakan bantuan peralatan, penyediaan pusat kegiatan ekonomi, latihan/kemahiran, pembungkusan dan promosi produk berasaskan laut seperti keropok yang dikeluarkan oleh perkumpulan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

BAGI JAWAB LISAN

DARI PAD A

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]

TARIKH

19 Oktober 2011 (Rabu)

SOALAN

2

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan masalah yang dihadapi dalam menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu menjadi Lapangan Terbang Antarabangsa.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, telah selesai dinaik taraf pada 8 September 2011. Skop kerja projek naik taraf tersebut termasuk pemanjangan landasan dari 1,981 meter ke 2,400 meter dengan lebar 45 meter, yang mampu menampung operasi pesawat Air Bus 320 dan Boeing 737-800. Buat masa ini, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, masih belum mempunyai sebarang operasi penerbangan berjadual antarabangsa.

Namun begitu, Kerajaan mengalu-alukan syarikat penerbangan tempatan dan asing yang ingin mengadakan penerbangan antarabangsa dari dan ke Kota Bharu untuk beroperasi di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

NO. SOALAN : 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN]
TARIKH	19 OKTOBER 2011
RUJUKAN	4111

Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada akan mengkaji pemberian elaun khas kepada bekas anggota polis / Sarawak Renjer semasa darurat di Semenanjung seperti di tahun 1950'an.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]
TARIKH	25 OKTOBER 2011
RUJUKAN	4298

Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** sejauh manakah kerajaan mengiktiraf dari segi pemberian pampasan dan pencen kepada pasukan keselamatan yang terkorban ketika menentang komunis seperti kes peristiwa Bukit Kepong.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sri Aman berkenaan soalan yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus pada 25 Oktober 2011, bagi soalan bernombor 40 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kerajaan amat menghargai jasa dan pengorbanan wira yang tidak didendang ini, iaitu anggota pasukan keselamatan termasuk lebih kurang

48.0 orang bekas anggota polis khas dan polis tambahan yang pernah berkhidmat semasa zaman darurat dahulu. Mereka ini adalah terdiri daripada bekas anggota *Home Guard, Special Constable, Extra Police Constable, Auxilliary Police, Women Auxilliary Police, Women Special Constable, Border Scout* dan *Jungle Squad*.

Atas dasar ini, sebagai tanda penghargaan dan mengenang jasa mereka dalam perjuangan menentang komunis semasa zaman darurat, kerajaan telah memberi bayaran saguhati khas kepada mereka

sebanyak RM

1.0 secara *one-off* kepada setiap orang bekas anggota polis khas dan polis tambahan atau bagi mereka yang telah meninggal dunia, diberikan kepada balu atau duda mereka. Sejak tahun 2003 sehingga kini sejumlah 74,958 orang bekas anggota polis khas dan polis tambahan berkenaan telah menerima bayaran tersebut dengan nilai bayaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan adalah sebanyak RM 74.9 juta.

Walaupun Kerajaan pernah membuat bayaran suguhati khas RM 1,000 secara *one-off* sebelum ini, sebagai Kerajaan yang prihatin pada rakyat, dalam pembentangan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober yang lalu, Kerajaan akan sekali lagi memberi sumbangan sebanyak RM 3,000 secara *one-off* kepada setiap bekas anggota polis khas dan polis tambahan, serta duda atau balu mereka. Sumbangan ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan kos sara hidup mereka sekeluarga.

Selain daripada bantuan yang disebutkan diatas, pihak Kerajaan juga ada memberikan bantuan kepada mereka melalui Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) yang menyediakan bantuan-bantuan kebajikan meliputi bantuan khairat kematian, bantuan perubatan, bantuan pembelian alat pergerakan dan anggota palsu, bantuan pelajaran dan bantuan bencana alam.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehubungan dengan pertanyaan berkaitan dengan Sarawak Renjer, saya difahamkan bahawa pasukan ini adalah sebuah pasukan yang pernah berkhidmat dibawah Tentera British suatu ketika dahulu. Oleh

yang demikian, KDN tidak dapat memperjelaskan isu elaun khas yang dibangkitkan oleh Y.B. Sri Aman kerana pasukan ini bukan di bawah tanggungjawab KDN.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARI PAD A: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 19 OKTOBER 2011

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengkaji kesesuaian menyatakan langkah-langkah serta peruntukan yang terdapat di dalam SOCSO disebabkan ianya telah terlalu lama dan tidak bersesuaian dengan kehendak semasa.

PR-1243-L46141

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk memastikan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dapat dipertingkatkan, PERKESO dari masa ke semasa meneliti dan mengkaji semula peruntukkan yang ada dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 supaya ianya bersesuaian dengan keadaan semasa.

SOALAN NO: 4

2. Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah beberapa kali dipinda sejak tahun 1979. Sehingga 2010 sebanyak 9 kali pindaan telah dibuat di mana pindaan terakhir adalah pada tahun 2005.

3. Pada awal tahun 2011, PERKESO telah menyemak semula peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Lanjutan daripada semakan tersebut beberapa cadangan pindaan yang terkini dan bersesuaian dengan kehendak semasa telah dikenal pasti. Semua cadangan pindaan sedang diperhalusi bagi memastikan ianya selaras dengan cadangan untuk meningkatkan umur persaraan dan juga penetapan gaji minimum yang sedang diteliti oleh pihak Kementerian Sumber Manusia.

SO ALAN NO:²

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
: [HULU TERENGGANU]
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 19/10/2011

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewajibkan pihak bank menyediakan perjanjian pinjaman kepada pelanggan-pelanggannya dalam Dwi Bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk mengelakkan mereka rasa tertipu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Institusi perbankan telah diarah untuk menzahirkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam Bahasa Malaysia serta menyediakan semua borang atau risalah untuk pelanggan runcit dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi membolehkan pengguna membuat pilihan yang sewajarnya. Berkuatkuasa 1 Julai 2011, institusi perbankan dikehendaki supaya menyediakan dan memberikan kepada pelanggan, dokumen perjanjian atau kontrak dalam Bahasa Malaysia jika diminta oleh pelanggan bagi memastikan pelanggan memahami terma dan syarat yang terkandung di dalam perjanjian berkenaan.

NO. SOALAN: J5,
DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT _____ PARLIMEN KEDUA BELAS(2)

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)

TARIKH 19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN:

YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan berhasrat menaikkan elaun siak masjid selari dengan kenaikan elaun imam dan bilal baru-baru ini.

JAWAPAN: (YB SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Kerajaan telah menaikkan elaun imam masjid mukim/kariah seramai 12,980 orang dari seluruh negara dari RM450 kepada RM750 seperti yang diumumkan dalam pembentangan Bajet 2011 oleh YAB Perdana Menteri pada tahun lalu dan ini sedang dinikmati oleh mereka yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi elaun siak dan bilal, persetujuan antara pihak berkuasa agama negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam Mesyuarat Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri kali 51 pada 25 Mei 2010 dengan dihadiri oleh YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri telah bersetuju agar perkara ini dipertimbangkan oleh pihak negeri masing-masing. Ini kerana lantikan siak dan bilal adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama negeri.

Saya mencadangkan Yang Berhormat Jerai minta cadangan kenaikan ini dibuat oleh Kerajaan Negeri, kerana ini adalah kesefahaman yang telah dicapai dan

tanggungjawab negeri.

ekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN MOHD

NIZAR BIN

ZAKARIA [PARIT]

TARIKH

19 OKTOBER 2011

SOALAN

MEMINTA

MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

Langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan Program Malaysia My Second Home di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Parit, Kementerian Pelancongan telah mengambil pelbagai langkah bagi mempromosikan Program Malaysia Rumah Kedua Ku atau Malaysia My Second Home (MM2H) iaitu melalui misi-misi jualan Tourism Malaysia dan pejabat-pejabatnya di negara luar

dengan memberi tumpuan kepada pasaran sasaran di negara ASEAN, Asia Timur, Asia Tengah, Asia Selatan, Eropah dan Oceania. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti yang berikut:-

- i) Mempromosikan program MM2H melalui program pengiklanan Tourism Malaysia di mana program MM2H juga diselitkan dalam '**global buy**' Tourism Malaysia;
- ii) Menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan negara luar untuk menawarkan "**MM2H Inspection Tours**" kepada para pelancong yang berminat untuk menginap secara jangka panjang atau '*long-stay*' di Malaysia;
- iii) Bekerjasama dengan **akhbar-akhbar tempatan di pasaran sasaran** bagi menjemput warganegara asing yang berpotensi untuk menghadiri seminar MM2H;
- iv) Menyertai pameran '**inap jangka panjang, persaraan serta gaya hidup**' di negara luar bagi meningkatkan kesedaran warganegara asing terhadap program MM2H;
- v) Bekerjasama dengan **institusi kewangan tempatan di pasaran sasaran** bagi menganjurkan seminar MM2H kepada pelanggan yang berminat dalam '**relocation**

programme' atau bersara di negara luar seperti Malaysia;

- vi) Memberi **taklimat MM2H** kepada kumpulan / tetamu asing yang berminat mengetahui program MM2H sewaktu lawatan mereka ke Malaysia;
- vii) Menerima **temubual media akhbar, majalah dan stesyen televisyen asing** mengenai program MM2H;

- viii) Membangunkan laman web MM2H dalam pelbagai bahasa asing bagi memudahkan warganegara asing mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program MM2H;
- ix) Bekerjasama dengan peserta-peserta MM2H untuk menyediakan bahan promosi yang bersifat '*testimonial*' dalam bentuk DVD serta risalah dan buku yang menggambarkan pengalaman hidup mereka di Malaysia bagi tujuan pengedaran kepada para warganegara asing yang berminat terhadap program ini;
- x) Bekerjasama dengan Persatuan Agen-Agen Berlesen MM2H dalam mempromosi dan memberikan penerangan tentang MM2H;
- xi) Mengedarkan risalah MM2H kepada para peserta MICE di persidangan-persidangan yang dianjurkan di Malaysia; dan
- xii) Menggalakkan agen-agen berlesen MM2H yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan untuk bekerjasama dengan syarikat pelancongan ataupun agen-agen negara luar untuk memasarkan program MM2H.

SOALAN NO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN	Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
DARIPADA	SELAYANG
19	OKTOBER 2011 (RABU)
KAWASAN	
TARIKH	SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor disebabkan kelewatan atau tidak dibayar Kerajaan atau majikan swasta dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu projek pembinaan itu melibatkan pelbagai lapisan hierarki kontrak seperti pelanggan/klien, kontraktor utama, subkontraktor dan pembekal. Di samping itu, pelaksanaan sesuatu projek itu kebiasannya melibatkan pelbagai fasa pembinaan seperti kerja-kerja tapak, substruktur, superstruktur, mekanikal dan elektrik, hiasan dalaman dan sebagainya yang melibatkan pelbagai kontrak berasingan. Manakala kaedah pembayaran projek pula kelazimannya akan dibuat secara beransur-ansur mengikut kemajuan kerja sehingga sesuatu projek itu disiapkan secara keseluruhan.

Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sememangnya mengambil maklum mengenai isu kelewatan atau kegagalan pembayaran yang sering berlaku dalam industri pembinaan, khususnya melibatkan subkontraktor atau pihak pembekal. Isu ini memberikan kesan secara berantai kerana ia melibatkan pelbagai pihak dalam industri pembinaan. Ini kerana tanpa sebarang jaminan mengenai pembayaran dan keadilan menerusi proses adjudikasi, pihak-pihak yang tidak menerima bayaran itu bakal mengalami masalah aliran tunai yang serius sehingga menanggung hutang dan ada yang terpaksa menggulung perniagaan. Ia berikutan pertikaian tuntutan pembayaran

kebiasaannya akan berlanjutan untuk tempoh masa yang panjang untuk diselesaikan menerusi proses perundangan sedia ada.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya pada masa kini sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan cadangan mewujudkan suatu akta bagi melindungi kepentingan pihak-pihak yang teriibat, khususnya kepada golongan subkontraktor dan pembekal. Cadangan akta ini akan dikenali sebagai Akta Bayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Payment and Adjudication Act (CIPAA)*. Menerusi akta baru ini, kepentingan pihak yang terlibat dalam industri pembinaan akan lebih terjamin dan sebarang pertikaian mengenai isu pembayaran akan dapat diselesaikan dengan lebih cepat menerusi proses adjudikasi. Bacaan Pertama Rang Undang-Undang CIPAA dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang, iaitu pada bulan Mac 2012 tertakluk kepada kelulusan oleh jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN		NO. SOALAN : 9
DARI P ADA		LISAN
TARIKH	PEMBERITAHUAN	DATUK RAIME BIN
	PERTANYAAN	DEWAN UNGGI [TENOM]
	RAKYAT, MALAYSIA	19.10.2011(RABU)

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah pengusaha kedai runcit yang menyertai Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di Sabah, terutama di Parlimen Tenom sejak diperkenalkan Januari tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan asing sebagai tanggungjawab sosial syarikat terbabit membangunkan peruncit-peruncit tempatan. Pihak *hypermarket* akan memberi khidmat nasihat dari segi susun atur produk, peralatan dan mesin terutamanya memperkenalkan *point of sales* (POS) *system* dan latihan kepada peruncit berkaitan dengan pengurusan kedai yang lebih

sistematik. Peserta projek boleh memohon pinjaman daripada Bank Rakyat sehingga RM60,000 dengan kadar caj perkhidmatan sebanyak 3% bagi tempoh bayaran balik sehingga 15 tahun.

Pada tahun 2011, Kerajaan mensasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan di seluruh negara. Sehingga 14 Oktober 2011, sebanyak 315 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan manakala 285 buah kedai lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara.

Manakala di Negeri Sabah sebanyak 15 buah kedai termasuk kedai runcit koperasi telah menyertai projek TUKAR. Pecahan mengikut kawasan adalah seperti berikut:

KAWASAN	BILANGAN KEDAI TUKAR
Keningau	4
Kota Belud	7
Tamparuli	1
Tawau	1
Penampang	1
Kota Kinabalu	1

Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada peruncit yang menyertai projek TUKAR di kawasan Parlimen Tenom.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO. 10

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN LIM LIP ENG

(SEGAMPUT)

TARIKH 19 OKTOBER2011 (RABU)

SOALAN

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik kanak-kanak dan warga emas yang diabaikan oleh keluarga mereka mengikut bangsa dan tahun dari 2005 sehingga kini, senaraikan pusat jagaan kanak-kanak dan warga emas yang berdaftar dan tidak berdaftar mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa peka akan kebajikan dan kesejahteraan golongan kanak-kanak dan warga emas yang terabai. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 11 buah Rumah Kanak-kanak dan 13 buah rumah untuk warga emas (9 buah Rumah Seri Kenangan, 2 buah Desa Bina Diri dan 2 buah Rumah Ehsan) bagi menempatkan mereka yang diabaikan oleh keluarga masing-masing.

Berdasarkan Sistem Maklumat Perangkaan (SMP) yang dibangunkan dan mula digunakan pada tahun 2008, sepanjang tempoh 2008 hingga Mei 2011, jumlah kanak-kanak yang diabaikan adalah sebanyak 3,506 orang. Bagi kategori warga emas pula, sejumlah 1,458 orang warga emas telah diabaikan mulai tahun 2008 hingga bulan Mei 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan Pusat Jagaan Kanak-kanak (PJKK) yang berdaftar dengan JKM sehingga 1 Julai 2011 adalah sebanyak 307 buah, manakala yang tidak berdaftar sebanyak 1,153 buah. Pusat Jagaan Warga Emas (PJWE) yang berdaftar pula adalah sebanyak 102 buah, manakala yang tidak berdaftar adalah sebanyak 280 buah.

Negeri Selangor mencatatkan bilangan PJKK berdaftar tertinggi sebanyak 98 buah dan juga PJKK tidak berdaftar tertinggi sebanyak 690 buah. Negeri Perak pula mencatatkan bilangan PJWE berdaftar tertinggi sebanyak 25 buah manakala Negeri Selangor mencatatkan bilangan PJWE tidak berdaftar tertinggi sebanyak 93 buah.

Senarai Pusat Jagaan Kanak-kanak dan Warga Emas yang berdaftar dan tidak berdaftar mengikut negeri adalah seperti berikut:

**PENDAFTARAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK DAN WARGA EMAS DI JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)**

BIL	NEGERI	JENIS PUSAT JAGAAN			
		KANAK-KANAK		WARGA EMAS	
		BERDAFTAR	TIDAK BERDAFTAR	BERDAFTAR	TIDAK BERDAFTAR
1	Perlis	4	1	0	4
2	Kedah	29	76	6	3
3	Pulau Pinang	23	62	11	32
4	Perak	44	89	25	47
5	WP Kuala Lumpur	22	83	7	41
6	Sealangor	98	690	22	93
7	Negeri Sembilan	5	29	1	9
8	Melaka	17	37	3	8
9	Pahang	23	40	6	7
10	Johor	30	27	15	30
11	Kelantan	3	8	0	0
12	Terengganu	2	1	5	0
13	Sabah	0	10	0	6
14	Sarawak	7	0	1	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
JUMLAH		307	1,153	102	280

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB DATUK AARON AGO ANAK

DAGANG (KANOWIT)

TARIKH

19 OKTOBER 2011

SOALAN : 11

SOALAN 11

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan polisi dan strategi Kerajaan bagi meningkatkan peluang ekonomi dan pendapatan rakyat di luar bandar selaras dengan Gagasan 1MALAYSIA dan Negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan peluang ekonomi dan pendapatan rakyat di luar bandar terutamanya menjelang tahun 2020. Di bawah teras kedua Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar khususnya, terdapat sepuluh (10) strategi bagi mencapai matlamat tersebut iaitu:-

- i) menggalakkan pengurusan dan pengendalian aktiviti ekonomi desa secara kreatif dan inovatif;
- ii) mengukuhkan rangkaian antara industri desa dan bandar;
- iii) mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan industri berasaskan sumber;
- iv) memperluas pasaran dan mempelbagaikan aktiviti pemasaran;
- v) membangunkan tanah secara optimum dan bersepadu;
- vi) menggalakkan aktiviti pemprosesan dan nilai tambah;
- vii) menggalakkan penggunaan pekerja tempatan dan teknologi jimat buruh;
- viii) menggalakkan penggunaan teknologi baru;

- ix) menambah baik capaian kemudahan kewangan dan kredit; dan
- x) meningkatkan kemahiran pengurusan, teknikal dan operasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Strategi-strategi di atas didokong oleh pelbagai program yang dilaksanakan oleh agensi
dan bahagian di bawah

Kementerian. MARA umpamanya menyediakan Program Pembangunan Usahawan, Program Pembangunan Industri dan Perniagaan, Program Pembiayaan Perniagaan dan menyediakan premis-premis perniagaan untuk disewakan. Disamping itu pelbagai latihan dan pendidikan disediakan dari peringkat yang paling rendah seperti GIATMARA sehinggalah ke peringkat universiti, baik di dalam mahupun di luar negara. Manakala RISDA pula yang menjadi peneraju kepada pembangunan aktiviti ekonomi pekebun kecil, berusaha melaksanakan Program Pembangunan Tanam Semula dan Perladangan, Pembangunan Ekonomi Tambahan, Pembangunan Ekonomi Komersial dan Pembangnan Ahli Isi Rumah. Selain itu, FELCRA pula disamping menjalankan program memulih dan menyatukan tanah, juga berusaha mempelbagaikan bidang kegiatan dalam sektor perindustrian, perkhidmatan dan perniagaan supaya penduduk luar bandar dapat menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi negara. Bagi pembangunan wilayah, agensi seperti KEJORA, KEDA, KETENGAH dan KESEDAR pula giat menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi bagi penduduk setempat.

**SOALAN NO
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	
DARI PAD A	LISAN
Y.B. KAWASAN	TUAN CHONG CHIENG JEN
TARIKH	BANDAR KUCHING 19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan akan mencadangkan agar projek pembinaan fly-over di Jalan Song / Jalan Tun jugah, Kuching akan dijalankan oleh kontraktor berkenaan dengan 24 jam sehari dan juga pada hari cuti rasmi supaya projek tersebut akan dipercepatkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Menaik Taraf Persimpangan Jalan Tun Jugah/Jalan Song/Upland Interchange di Kuching, Sarawak merupakan antara projek yang diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10. Pembinaan projek yang melibatkan kos kontrak sebanyak RM49.9 juta ini telah dimulakan pada 17 Mac 2011 dengan tempoh siap selama 24 bulan, iaitu sehingga 16 Mac 2013. Skop projek ialah membina jejambat baru sepanjang 381 meter dan menaik taraf jalan sedia ada daripada 4 lorong kepada 6 lorong sepanjang 2.2 kilometer. Sehingga 16 September 2011, kemajuan fizikal di tapak adalah mendahului jadual, ialah 17% (sebenar) berbanding 14% (jadual).

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan yang dialami oleh para pengguna di jalan tersebut, khususnya pada waktu puncak. Ini kerana jalan tersebut merupakan antara laluan utama yang mencatatkan kadar aliran trafik yang tinggi di Kuching, iaitu sekitar 60,000 kenderaan sehari. Oleh itu, isu kesesakan lalu-lintas semasa kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan sememangnya tidak dapat dielakkan disebabkan oleh keluasan rizab jalan yang terhad dan kepadatan aliran trafik. Pada masa kini pergerakan trafik, khususnya di sepanjang Jalan Tun Jugah agak perlahan berikutan kerja-kerja pelebaran jalan dan pengalihan utiliti sedang giat dilaksanakan oleh pihak kontraktor terbabit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan arahan kerja lebih masa kepada kontraktor yang berkenaan akan melibatkan implikasi tambahan kos kepada Kerajaan kerana skop kerja lebih masa ini tidak termasuk dalam syarat kontrak asal. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan JKR Negeri Sarawak untuk mengkaji semula jadual pelaksanaan kerja kontraktor terlibat, termasuk mempertingkatkan lagi sistem pengurusan trafik khususnya pada waktu puncak. Ini bagi memastikan impak kesesakan trafik akibat dari pelaksanaan projek ini dapat diminimumkan sebelum projek berkenaan disiapkan sepenuhnya pada bulan Mac 2013.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN 13

PEMBERITAHUAN
RAKYAT

PERTANYAAN DEWAN

LISAN
PERTANYAAN

DARIPADA Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [HULU
RAJANG]

TARIKH 19 OKTOBER 2011

SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:

Apakah terdapat rancangan untuk mengembangkan kawasan Bakun sebagai destinasi eko pelancongan yang bukan sahaja dapat memenuhi permintaan pelancong tempatan dan luar negara bahkan tidak menjejaskan alam sekitar sebagai salah satu sumber penjanaan pendapatan penduduk setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang, Kementerian Pelancongan sedia maklum akan potensi kawasan Bakun sebagai sebuah destinasi menarik bagi pelancongan eko. Usaha meningkatkan industri ini dilaksanakan di bawah dasar ***Sarawak Corridor of Renewable Energy*** (SCORE).

Menurut Kerajaan Negeri Sarawak, apabila projek Hidro Eiektrik Bakun dan pembinaan infrastruktur-infrastruktur lain seperti jalanraya siap sepenuhnya, Kerajaan Negeri akan membangunkan industri-industri hiliran seperti resort eko untuk menyokong industri pelancongan eko ini.

Pembangunan pelancongan eko ini akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dengan lebih holistik dan mampan. Insentif terbesar di bawah projek pelancongan eko adalah memberi tumpuan pada potensi pemandangan indah di kawasan tersebut yang mengandungi tasik-tasik dan pulau-pulau yang terjadi melalui pembinaan projek hidro eiektrik tersebut di samping mengekal keaslian alam semulajadi di kawasan tersebut. Untuk itu, produk-produk pelancongan eko seperti sukan air, pusat pemuliharaan bagi tujuan pelancongan

dibangunkan melalui kerjasama dan penyertaan masyarakat setempat bagi memenuhi kehendak pelancong tempatan dan antarabangsa. Pelan ini dijangka direalisasikan selepas 2015.

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]
TARIKH	19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan rasional Kementerian mengadakan projek pembinaan hotel sekitar Angkasapuri, kos pembinaan hotel tersebut serta adakah projek diberi secara tender terbuka ataupun tidak.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) sedang dalam perancangan untuk membangunkan semula tapak di Kompleks Angkasapuri sebagai bandar media. Antara skop projek ini adalah peningkatan taraf sistem penyiaran, pembinaan studio penerbitan TV, ruang auditorium dan ruang teknikal serta pejabat. Ini bertujuan untuk menyediakan prasarana moden bagi RTM dalam meningkatkan keupayaan dalam penerbitan kandungan yang lebih menarik seiring dengan kemajuan dunia penyiaran. Kesemua bangunan yang dibina di

SOALAN NO: 14

tapak sedia ada adalah selaras dengan konsep bandar media. Projek yang bakal dilaksanakan secara inisiatif penswastaan.

NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB
[LANGKAWI]

TARIKH 19 Oktober 2011

SOALAN

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta PERDANA MENTERI menyatakan

(a) adakah Kerajaan bercadang untuk menggerudi telaga minyak / gas di Negeri Kedah terutamanya di kawasan 'Off Langkawi' kerana difahamkan terletak di kawasan 'vein' yang sama bagi Myanmar-Acheh; dan

(b) bilakah cadangan paip minyak/gas Kedah-Songkhla akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan melalui PETRONAS tidak merancang untuk menjalankan sebarang aktiviti menggerudi di persisiran pantai Kedah. Walau bagaimanapun, kajian geologikal dan geofizikal di kawasan tersebut sedang dijalankan. Sekiranya keputusan kajian tersebut memberangsangkan,

pihak PETRONAS akan mempertimbangkan aktiviti penggerudian di kawasan berkenaan.

Buat masa ini, cadangan pembinaan paip minyak/gas Kedah- Songkhla tiada dalam perancangan PETRONAS.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PAD A YB DR HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)

TARIKH 19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan kenapa cara pembayaran wang BOT menghadapi banyak masalah terhadap orang tua dan adakan cara lain yang lebih baik bagi pembayaran wang tersebut dibuat pada masa yang tepat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan pembayaran bantuan kebajikan kepada warga emas tidak membebankan golongan tersebut Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melaksanakan empat (4) kaedah pembayaran Bantuan Orang Tua (BOT) seperti berikut:

1. Pembayaran di kaunter Pejabat Kebajikan Masyarakat bagi warga emas yang mampu datang ke pejabat;
2. Pembayaran di pusat-pusat pembayaran yang telah ditetapkan seperti Dewan Orang Ramai, Pejabat Penghulu dan Balai Raya;
3. Bayaran terus kepada warga emas di rumah bagi mereka yang tidak berupaya hadir ke Pejabat Kebajikan atau pun ke pusat-pusat pembayaran; dan
4. Bayaran melalui bank.

Berdasarkan analisis JKM, pembayaran melalui bank merupakan kaedah terbaik bagi menyalurkan bantuan kebajikan kepada warga emas. Ini kerana warga emas ini tidak perlu hadir di pejabat kebajikan atau pusat-pusat pembayaran, boleh mewakiikan sesiapa untuk mengambil bantuan tersebut dan dapat mengeluarkan wang pada bila-bila masa daripada

mesin pengeluaran wang automatik (ATM). Selain itu, pihak JKM telah bekerjasama dengan pihak Bank Simpanan Nasional (BSN), misalnya di negeri Sabah, supaya bantuan dapat disalurkan melalui perkhidmatan bank bergerak BSN di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga memastikan pembayaran bantuan melalui bank dilaksanakan pada 1 haribulan setiap bulan di seluruh negara mulai 1 Januari 2010. Langkah-langkah ini merupakan satu lagi inisiatif Kementerian dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan demi keselesaan kumpulan sasaran.

SOALAN NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

: [PENGERANG]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19/10/2011

SOALAN

Y.B. DATO' SERI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENERANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha-usaha untuk mengkaji semula cukai pendapatan secara holistik terutama kepada tenaga profesional muda yang berpendapatan di bawah empat ribu sebulan serta pertimbangan potongan cukai kepada mereka yang menyara kedua ibu dan bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan mengkaji semula kedudukan layanan cukai pendapatan termasuk cukai pendapatan individu secara berterusan bagi memastikan layanannya dapat ditambahbaik selaras dengan perkembangan ekonomi semasa supaya negara mampu mengekalkan daya saing dalam era globalisasi. Langkah dapat dibuat memandangkan kajian semula layanan cukai boleh dijadikan sebahagian daripada cadangan dalam setiap Belanjawan tahunan. Pendekatan yang diambil dalam menjalankan kajian semula termasuklah mengadakan perbincangan dengan pelbagai agensi Kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, Majlis Penasihat Ekonomi Negara, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) serta persatuan perniagaan dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) supaya maklum balas dan input yang menyeluruh dapat diperolehi.

2. Berdasarkan pengalaman lepas, layanan cukai pendapatan individu sentiasa menarik perhatian banyak pihak dan pelbagai cadangan telah dikemukakan dan sebahagiannya telah dilaksanakan. Sebagai contoh, terdapat banyak cadangan berhubung aspek layanan pelepasan cukai bagi maksud kesihatan dan penjagaan ibu bapa. Cadangan tersebut telah diteliti secara mendalam di mana telah diputuskan pelepasan cukai sehingga RM5,000 ke atas perbelanjaan kos perubatan telah diperluaskan untuk meliputi kos penjagaan ibu bapanya. Di samping itu, pembelian alat sokongan orang kurang upaya turut layak diberi pelepasan cukai sehingga RM5,000 bagi ibu bapa yang telah uzur.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Secara keseluruhannya, pada masa ini terdapat 20 jenis pelepasan cukai telah disediakan kepada individu dan yang terkini adalah penambahbaikan di mana layanan pelepasan penjagaan ibu bapa sehingga RM5,000 telah diperkenalkan mulai tahun taksiran 2011 dan juga pelepasan sehingga RM3.000 bagi caruman mulai tahun taksiran 2012 dalam Skim Persaraan Swasta dan premium anuiti. Kajian semula pelepasan cukai pendapatan individu antara lain mengambil kira terutamanya kepentingan tenaga profesional muda yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan dan pertimbangan kos menyara ibu bapa.

4. Pelaksanaan penambahbaikan di masa lepas yang meliputi kajian kadar cukai dan pelepasan cukai individu adalah jelas dapat mengurangkan tanggungan pembayar cukai. Secara perbandingan, pendapatan maksimum seseorang individu bujang yang tidak dikenakan cukai pendapatan pada tahun 2000 adalah RM1,400 sebulan. Pada tahun 2010, pendapatan maksimum yang tidak dikenakan cukai telah meningkat kepada RM2,400 sebulan. Bagi individu yang berkahwin di mana pasangannya tiada sumber pendapatan, pendapatan maksimumnya yang tidak dikenakan cukai pada tahun 2000 adalah RM 1,900 dan meningkat menjadi RM3,200 pada tahun 2010. Namun begitu, amaun pendapatan maksimum yang tidak tertakluk kepada cukai pendapatan seperti disebutkan di atas adalah agak konservatif kerana andaian yang dibuat adalah mengambil kira pelepasan diri dan pelepasan cukai bagi caruman KWSP.

5. Memandangkan kini kita mempunyai 20 jenis pelepasan cukai, maka individu yang mengambil peluang memaksimumkan manfaat pelbagai pelepasan cukai yang sedia ada serta potongan cukai ke atas derma kepada badan atau institusi khairat yang diluluskan, sudah tentu paras pendapatan maksimum yang tidak dikenakan adalah lebih tinggi.

6. Sehubungan dengan itu, suka saya sebutkan di sini bahawa kepentingan pembayar cukai individu termasuklah kelompok tenaga

profesional muda yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan yang diutarakan oleh Yang Berhormat sebenarnya telah pun diberi perhatian oleh Kerajaan dan sewajarnya berpeluang untuk mengambil manfaat di bawah layanan cukai sedia ada.

NO. SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR
BIN JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]
TARIKH 19 OKTOBER 2011
RUJUKAN 4112

SOALAN:

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota Polis Diraja Malaysia PDRM yang dikerah serta jumlah keseluruhan perbelanjaan yang ditanggung Kerajaan bagi berdepan dengan BERSIH 2.0 pada 9 Julai 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menangani perhimpunan haram BERSIH 2.0, PDRM telah menggerakkan sejumlah pegawai dan anggota untuk penugasan keselamatan termasuk mendapatkan bantuan anggota dari Kontinjen-kontinjen seluruh negara untuk membantu Kontinjen Kuala Lumpur.

Jumlah pegawai dan anggota polis yang telah dikerah untuk bertugas untuk menjaga keselamatan di kawasan Lembah Klang seramai 11,046 orang termasuk seramai 2,600 orang yang dikerah untuk siap sedia di Kontinjen-kontinjen seluruh negara dan akan dipanggil jika keadaan memerlukan. Pihak PDRM juga terpaksa membuat persiapan rapi yang memerlukan perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan, makan minum, penginapan dan keperluan logistik yang lain. Kos keseluruhan yang dibelanja oleh PDRM bagi menangani perhimpunan tersebut adalah sebanyak RM 2,018,850.06.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR

BIN HAJI SALLEH 19 OKTOBER 2011

TARIKH

(RABU)

SOALAN

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta

MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :

- (a) apakah Kementerian ada menerima laporan yang melaporkan tentang iklan-iklan Institusi Pelajaran Tinggi Swasta (IPTS) yang didapati ada unsur-unsur penipuan; dan
- (b) jika ada berapa dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memantau dan mengawal iklan-iklan indah khabar dari rupa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga September 2011, Kementerian tiada menerima laporan berkaitan iklan-iklan IPTS yang mempunyai isu-isu penipuan. Walau bagaimanapun, tindakan pemantauan sentiasa dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat JPT, Kementerian Pengajian

Tinggisecara berterusan berkaitan iklan yang merangkumi media cetak dan elektronikterutamanya akhbar dan laman *web*.

Kementerian juga telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan Kod Etika Pengiklanan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diedarkan kepada IPTS. Selain itu, peringatan kepada IPTS mengenai pengiklanan juga telah dimuat naik di laman web Jabatan

Pengajian Tinggi (JPT)

<http://ipt.mohe.gov.mv/menuipt.php>. Tindakan perundangan berkaitan dengan iklan boleh di ambil di bawah Seksyen 72(2), 73(4), 75 dan 83, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta, 1996 (Akta 555). Umpamanya Seksyen 73(4) Akta IPTS memperuntukkan dimana seseorang atau IPTS yang melanggar arahan Ketua Pendaftar di bawah seksyen 73(1) iaitu notis arahan pengiklanan ke atas IPTS yang membuat apa-apa pernyataan palsu/mengaburi mata/menyinggung perasaan/mengelirukan di dalam iklan berhubung dengan IPTS boleh dikenakan hukuman denda maksimum sebanyak RM50,000 dan penjara maksimum 6 bulan.

Soalan No : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA Y.B. TUAN M AN IC KAVAS AG AM A/L SUNDARAM
(KAPAR)

TARIKH : 19.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan bagi tahun 2011 untuk semua jenis sekolah dan berikan pecahan mengikut sekolah dan kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan belanja mengurus mengikui jenis sekolah bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Sekolah	Peruntukan (RM)
1	Sekolah Kebangsaan	7,738,282,854
2	Sekolah JenisKebangsaan Cina	1,716,393,676
3	Sekolah JenisKebangsaan Tamil	584,382,340
4	Sekolah Mubaligh	586,168,060
5	Sekolah Agama Rakyat	100,000,000

Bagi peruntukan pembangunan pula, untuk tahun 2011, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah diperuntukan sebanyak RM2.816 billion untuk pelaksanaan j.j28 projek. Daripada jumlah tersebut, bagi sekolah kerajaan sebanyak RM1.126 billion di salurkan kepada sekolah rendah dan RM 1.559 biiiion pula untuk sekolah menengah. Manakala sejumlah RM126 juta lagi diperuntukkan kepada sekolah bantuan modal.

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH 19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan:-

- a) Apakah pihak Kementerian berhasrat untuk menaikkan bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) kerana bantuan yang diterima sebanyak RM150 tidak mencukupi; dan
- b) Adakah pihak Kementerian mempunyai kategori-kategori tertentu dalam penerimaan bantuan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan golongan yang memerlukan, peruntukan sebanyak RM1.2 bilion telah dibelanjakan pada tahun 2010 bagi menyalurkan pelbagai jenis bantuan kebajikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Daripada jumlah ini, sebanyak RM 149.4 juta dibelanjakan khusus untuk orang kurang upaya (OKU) menerusi skim bantuan seperti Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Alat Tiruan dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja.

Buat masa ini, pihak Kementerian tidak bercadang untuk menaikkan kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM150 sebulan memandangkan ia baru diperkenalkan pada tahun 2009. Tambahan pula, skim bantuan ini bukan untuk tujuan saraan hidup tetapi diberikan bagi membolehkan OKU yang tidak berupaya bekerja meneruskan kelangsungan hidup. Di samping itu, bantuan ini juga dapat mengurangkan kemasukan OKU ke

institusi kebajikan selaras dengan pendekatan Kementerian agar OKU hidup dalam suasana kekeluargaan dan menjadi sebahagian daripada

anggota masyarakat dalam komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) ini tidak mempunyai kategori khusus. Ketujuh-tujuh kategori OKU (fizikal, pendengaran, penglihatan, masalah pembelajaran, pertuturan, mental dan kategori pelbagai) yang tidak berupaya bekerja layak menerima bantuan ini. Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

- 1) Warganegara Malaysia;
- 2) Berdaftar sebagai OKU dengan JKM;
- 3) Tidak berupaya bekerja disebabkan faktor-faktor munasabah dan bukan kerana sikap tidak mahu bekerja;
- 4) Disahkan tidak mampu bekerja oleh pegawai perubatan;
- 5) Sumber pendapatan individu OKU seperti daripada pencen, PERKESO dan lain-lain adalah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa;
- 6) Berumur antara 18 hingga 59 tahun;
- 7) Bukan penerima bantuan bulanan JKM sedia ada; dan
- 8) Bukan peserta Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan program penjagaan/pemulihan kelolaan Kerajaan dan Pertubuhan Sukarela (NGO).

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN

KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

PUAN HAJAH FAUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH
SOALAN

[KUANTAN]

19 OKTOBER 2011

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan di bawah akta manakah bahan bijih *Rare Earth Elements* (REE) dari Mt. Weld untuk pemprosesan di Lynas Advance Material Plan (LAMP) Gebeng dibawa masuk ke Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bertanggungjawab di dalam bidang yang berkaitan dengan kawalseliaan dan kawalan tenaga atom dan aspek keselamatan sinaran (*radiation safety*) melalui penguatkuasaan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

Peruntukkan Seksyen 14 (1) - Akta 304 telah jelas menyatakan bahawa proses mengeluarkan dan pengeluaran bahan radioaktif, bahan nuklear dan benda-benda yang ditetapkan (oleh Akta ini) tidak termasuk kepada aktiviti mencarigali atau melombong. Namun begitu, aktiviti mencarigali atau melombong hendaklah juga dikawal oleh undang-undang yang relevan berhubungan dengan perlombongan.

Seksyen 14 (2) - Akta 304 pula menyatakan bahawa mana-mana orang yang menjalankan sama ada aktiviti mencarigali atau melombong (atau kedua-duanya) bahan radioaktif, bahan nuklear dan benda-benda yang ditetapkan (oleh Akta ini) hendaklah segera melaporkan secara bertulis kepada LPTA dan tertakluk kepada semua arahan-arahan yang dikeluarkan oleh LPTA dan juga arahan-arahan lain dalam undang-undang yang relevan berhubungan dengan perlombongan.

Berdasarkan peruntukan Akta 304 tersebut, LPTA mengawal dan mengawalselia aktiviti mengimport bahan bijih REE melalui perlesenan dan pengeluaran permit (kebenaran). Oleh itu, Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd. perlu mendapatkan lesen dan juga permit import daripada LPTA bagi tujuan menjalankan aktiviti mengimport dan juga aktiviti mengangkut REE ini dari Mt. Weld Australia ke Gebeng Kuantan, Pahang. Permit import akan dikeluarkan oleh LPTA setiap kali bahan bijih REE dibawa masuk ke Malaysia.

Sekiranya Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd. gagal mematuhi peraturan-peraturan sepertimana yang ditetapkan oleh LPTA, tindakan berdasarkan

Seksyen 22 (1) - Akta 304 iaitu berkaitan dengan pembatalan dan penggantungan lesen boleh dikenakan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan menjamin kesihatan orang awam dan pekerja, MOSTI berpandangan bahawa bahan bijih REE dari Mt. Weld untuk pemprosesan di LAMP Gebeng, Kuantan Pahang perlulah juga tertakluk kepada peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh agensi kerajaan yang lain contohnya Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sepertimana yang dinyatakan di Seksyen 14 (1) - Akta 304.

SOALAN NO: 14

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI]

TARIKH

19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan usaha-usaha Kerajaan untuk melindungi pengusaha- pengusaha sarang burung walit di negara ini yang menyatakan kerugian beribu jutaan ringgit baru-baru ini. Nyatakan juga bentuk skim atau mana-mana program buat masa ini mampu meningkatkan minat pengusaha dalam bidang ini.

JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa mengambil langkah untuk melindungi pengusaha - pengusaha sarang burung walit. Dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengadakan satu misi ke China bersama pihak industri sarang burung walit pada bulan Ogos 2011 bertujuan meminimumkan impak isu berkaitan dengan pengeksporan sarang burung walit dan memulihkan keyakinan pengguna di negara tersebut.

Dalam misi tersebut, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengadakan pertemuan dengan Pihak Berkuasa Negara China serta taklimat bersama pihak media di Negara China bagi menerangkan situasi sebenar yang berlaku. Pada masa yang sama, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menyatakan pendirian Malaysia iaitu:

- a) Secara rasminya Malaysia tidak mengeluarkan, memproses dan mengeksport “*Blood Nest*” dan hanya mengeksport *raw-unclean Edible Birdnest (EBN)*, *raw-clean EBN* dan produk tambah nilai hasilan EBN;
- b) Malaysia telah memiliki piawaian produk yang jelas bagi EBN yang telah dikeluarkan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan Jabatan Standard (SIRIM) iaitu MS 2334:2011 - *Edible-Birdnest (EBN) Specification* yang telah dibangunkan seawal 2009;
- c) Malaysia memiliki panduan sistem kualiti seperti MS 2333:2010 - *Good Manufacturing Practice (GMP)* dan MS2273:2009 - *Good Animal Husbandry Practices* bagi memastikan kualiti produk EBN adalah selamat untuk dimakan;
- d) Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) sebagai panduan kepada penternak dan pengusaha produk EBN serta jabatan dan agensi yang terlibat dalam industri ini bagi memastikan industri dipacu mengikut landasan yang betul serta lestari; dan
- e) Pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar bagi tujuan eksport hanya akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Putrajaya dan dikeluarkan hanya kepada pengeksport yang telah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Bagi memastikan industri dapat berkembang dengan lebih pesat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensinya telah:

- a) menjalankan pelbagai kursus berkaitan penternakan dan pemprosesan sarang burung walit kepada para pengusaha dan individu yang berminat berkecimpung dalam industri ini;
- b) menyediakan pembiayaan dan skim kepada pengusaha-pengusaha melalui:
 - i. geran berjumlah RM5 juta untuk golongan miskin tegar;
 - ii. dana pinjaman usahawan pertanian berjumlah RM67.7 juta di bawah Agrobank;
 - iii. skim kredit *Micro Economy Stimulus Package* (Micro ESP-i) bagi pinjaman antara RM10,000 hingga RM30.000 melalui Agrobank; dan

- iv. lain-lain bantuan kewangan daripada institusi-institusi kewangan seperti TEKUN dan SME Corporation.
- c) memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada para penternak dan pengusaha sarang burung walit serta Persatuan Persekutuan Pedagang Sarang Burung; dan
- d) membangunkan sistem daya jejak (traceability) yang sedang diusahakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Media bagi meningkatkan keyakinan ke atas jaminan persijilan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 19 OKTOBER 2011

SOALAN

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada sebarang tindakan akan diambil terhadap 10 pegawai SPRM yang memberikan keterangan palsu di Suruhanjaya Siasatan Kematian Teoh Beng Hock, seperti Raymond Niok anak John Timban dan Bulkini Paharuddin.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Semua bentuk pandangan dan saranan yang dikemukakan Suruhajaya Siasatan Diraja untuk menyiasat kematian Teoh Beng

SOALAN NO.

Hock telah diambil perhatian dan tindakan serius pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Berhubung dengan isu yang bangkitkan ini, satu jawatankuasa telah dibentuk bagi menjalankan siasatan dalaman. Satu laporan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Aduan yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Datuk Hj. Mohd Nor bin Haji Abdullah. Laporan ini sedang diteliti oleh Jawatankuasa Aduan dan akan memperakukan apa-apa jua langkah atau tindakan susulan berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 14

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

JAWAB LISAN

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

19 OKTOBER 2011 (RABU)

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam mempertingkatkan pembangunan industri tanaman rumpai laut di negeri Sabah memandangkan ia kini mendapat sambutan yang amat baik dari kalangan pengimport rumpai laut negara, dan bagaimana Kementerian memainkan peranan untuk memperluaskan pasaran produk-produk tersebut.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengenal pasti rumpai laut sebagai salah sumber baru bernilai tinggi dalam pembangunan akuakultur negara. Pada tahun 2010 sahaja, dianggarkan sejumlah 207,000 tan metrik rumpai laut bernilai RM66 juta telah dihasilkan di Sabah. Aktiviti pengkulturan dan pengeringan rumpai laut telah menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 1,200 orang penduduk di kawasan perairan pantai timur Sabah.

Potensi pembangunan rumpai laut di negeri Sabah adalah besar, yang mana Jabatan Perikanan Negeri Sabah telah mengenal pasti kira-kira 58,700 hektar perairan di Semporna dan 16,200 hektar di perairan Kudat didapati sesuai untuk dimajukan dengan projek pengkulturan rumpai laut. Kawasan tersebut akan dizonkan sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) Rumpai Laut.

Soalan No : 26

Rumpai laut telah disenaraikan sebagai Projek Permulaan Ketiga (*Entry Point Project* - EPP 3) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (*National Key Economic Area* - NKEA) bagi sektor Pertanian. PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT Matlamat EPP 3 adalah untuk meningkatkan pengeluaran rumpai laut kering daripada 200,000 tan metrik dalam tahun 2010 kepada 300,000 tan metrik menjelang tahun 2020. Sumbangan industri baru ini tidak terhad kepada pengeluaran rumpai laut mentah sahaja, malah berpotensi menjana pendapatan eksport menerusi bidang pemprosesan dan perniagaan yang menawarkan pelbagai jenis produk makanan, farmaseutikal dan bio-industri.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga menjalin kerjasama penyelidikan dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi-institusi Penyelidikan Kerajaan bagi membangunkan teknologi pengecaman dan penghasilan benih rumpai laut berkualiti, teknologi pengkulturan mesra alam sekitar, teknologi pengeringan dan pemprosesan rumpai laut kepada produk makanan, produk farmaseutikal dan nutraseutikal. Usaha ini akan meningkat daya saing malah mampu mengembangkan industri rumpai laut negara kepada sebuah industri yang mempunyai rantai nilai yang lengkap bagi menarik penglibatan syarikat swasta.

DARIPADA PE
RT
AN
YA
TARIKH AN

LISAN

Y.B. TUAN GOBIND SINGH
DEO (PUCHONG)

19.10.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di kawasan Parlimen Puchong dan sama ada ianya mencukupi untuk menampung jumlah pelajar-pelajar di kawasan tersebut dan apakah tindakan Kerajaan untuk meningkatkan lagi jumlah sekolah-sekolah ini untuk masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, di kawasan Parlimen Puchong mempunyai 17 buah sekolah kebangsaan, empat (4) buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, dan empat (4) buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini jumlah sekolah di kawasan Parlimen Puchong adalah mencukupi bagi menampung keperluan penduduk setempat. Namun begitu, memandangkan kawasan Puchong merupakan antara kawasan sedang pesat membangun, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersedia untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi di kawasan tersebut sekiranya terdapat keperluan.

Soalan No : 26

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Rjm 36

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga Jun 2011, jumlah keluasan tanaman sawit yang diusahakan oleh FELDA di Sabah adalah seluas 119.765 hektar. Daripada jumlah ini, kawasan seluas 9.668.68 hektar disertai oleh seramai 1,647 orang peneroka. Pecahan mengikut daerah di Sabah dan keluasan tanaman sawit yang diusahakan oleh peneroka adalah seperti berikut:

Bil.	Rancangan/Daerah	Bilangan Peneroka FELDA	Keluasan Tanaman Sawit ('000 Ha)
1.	Sahabat 1 (Lahad Datu)	191	1,148.21
2.	Sahabat 2 (Lahad Datu)	178	1,085.54
3.	Sahabat 3 (Lahad Datu)	188	1,076.49
4.	Sahabat 4 (Lahad Datu)	103	607.71
5.	Sahabat 5 (Lahad Datu)	211	1,224.78
6.	Umas 1 (Tawau)	265	1,536.79
7.	Umas 2 (Tawau)	94	566.86
8.	Umas 3 (Tawau)	210	1,226.62
9.	Umas 3 (Tawau)	207	1,195.68
	JUMLAH	1,647	9,668.68

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

Berhubung dengan pembayaran kepada kerajaan negeri, industri sawit di Sabah dikenakan cukai jualan sebanyak 7.5% ke atas harga minyak sawit mentah. Nilai cukai jualan yang dikutip oleh kerajaan negeri sejak tahun 2003 adalah seperti berikut:

Tahun	Kutipan Cukai Jualan (RM Juta)
2003	524
2004	575
2005	558
2006	612
2007	1,055
2008	1,196
2009	884
2010	1,064
Jan - Ogos 2011	936

NO SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

DARIPADA

TARIKH

LISAN
Y.B TUAN TONY PUA
KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)

19.10.2011
(RABU)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada '*Littoral Combatant Ship*' (LCS) yang ditempah oleh Kerajaan adalah sama dari segi kebolehan dan spesifikasi dengan LCS Amerika Syarikat. Adakah kos perolehan akan meningkat daripada anggaran asal RM6 bilion ke sebanyak RM10 bilion.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, rancangan perolehan *Littoral Combatant Ship* (LCS) oleh TLDM mempunyai persamaan dari segi keupayaan peperangan pelbagai dimensi dengan LCS *United States Navy* (USN). LCS TLDM mempunyai keupayaan peperangan berikut:

- (a) Peperangan Anti Udara.
- (b) Peperangan Anti Permukaan.
- (c) Peperangan Anti Bawah Permukaan.
- (d) Peperangan Elektronik.

Namun, LCS USN tidak mempunyai keupayaan Peperangan Anti Permukaan yang sepenuhnya kerana hanya dilengkapi dengan meriam kaliber sederhana sahaja. Berbeza dengan LCS TLDM yang bukan sahaja mempunyai meriam kaliber sederhana malah turut akan dilengkapi dengan Misil Anti Permukaan jarakjauh.

Perbandingan spesifikasi dari segi dimensi iaitu panjang, lebar dan kedalaman adalah dalam kelas yang hampir sama bagi kedua-dua LCS tersebut.

Berkenaan kos perolehan, buat masa ini, pihak Kerajaan masih belum memuktamadkan harga. Sejumlah RM6 bilion telah diperuntukkan dalam RMK-10 dan sebahagian lagi akan melimpah ke RMK-11. Siting peruntukan tersebut adalah dari segi kos projek sebaik sahaja kontrak antara Kerajaan dan pihak syarikat dimeterai.

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)

TARIKH 19.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KRAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) hala tuju baru bagi pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang perlu bagi memasuki arus perdana dalam melahirkan pekerja mahir; dan
- (b) sehingga kini berapakah bilangan guru-guru sandaran tidak terlatih (GSTT) yang diambil untuk mengikuti Kursus Dalam Cuti untuk diserapkan menjadi Guru Terlatih.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha memartabatkan Pendidikan Vokasional akan mula dilaksanakan menjelang 2013. Antara perubahan yang akan dilaksanakan ialah:
- i. Menyediakan kurikulum yang dapat menghasilkan modal insan yang berkemahiran.
 - ii. Membangunkan institusi pendidikan vokasional yang dapat melahirkan modal insan yang berkemahiran.
 - iii. Berkolaborasi dengan rakan strategik dalam industri.
 - iv. Menyediakan mekanisma pentaksiran yang menjurus kepada pentauliahan dan pengiktirafan.
 - v. Memastikan lepasan mendapat pengiktirafan.
 - vi. Mempertingkatkan daya upaya organisasi pendidikan vokasional.

Bilangan guru sandaran tidak terlatih (GSTT) ambilan 2010 yang diambil mengikuti Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk diserapkan menjadi guru terlatih adalah seramai 1258 orang.

PEMBER1TAHU
PERTANYAAN
DARIPADA PE DEWAN LISAN
RT
AKYAT
TARIKH YA
AN
Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE
MAT (HULU LAN GAT)
19.10.2011

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) jumlah sekolah rendah dan menengah yang dapat dibina sepanjang 2008 hingga 2011; dan
- (b) jumlah sekolah Vokasional yang telah beroperasi dan sedang dalam pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Dari tahun 2008 sehingga 2011, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membina sebanyak 80 buah sekolah baru menengah dan rendah. Daripada jumlah tersebut, 39 buah adalah sekolah rendah dan 41 buah pula sekolah menengah.
- (b) Sehingga kini, terdapat 78 buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) di seluruh negara yang sedang beroperasi. KPM juga telah meluluskan pembinaan 6 buah SMV baru dalam *1st Rolling Plan RMKe-10*.

SOALAN NO : 31

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA
BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)
TARIKH	19 OKTOBER 2011
SOALAN	31

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**
menyatakan

- (a) Hasrat kerajaan untuk memberikan Hak Milik Tanah secara individu kepada setiap keluarga masyarakat Orang Asli; dan
- (b) Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Kampung Simpang Arang Gelang Patah untuk pembangunan setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya menjadi hasrat kerajaan untuk memberi hak milik tanah secara individu kepada masyarakat Orang Asli dengan objektif bagi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka.

Sehubungan itu, Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan kertas dasar yang komprehensif iaitu Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli (DPPTOA). Dasar tersebut telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) pada 4 Disember 2009, dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat, di antara intipati penting yang terdapat di dalam kandungan dasar tersebut adalah meliputi cadangan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN) kepada Ketua Isi Rumah (KIR) masyarakat Orang Asli yang ditakrifkan di bawah Seksyen 3 Akta Orang Asli. Tanah-tanah yang akan dibangunkan dan diberi hak milik ialah tanah-tanah yang telah diwartakan sebagai kawasan Orang Asli di bawah Seksyen 6 Akta Orang Asli dan tanah rezab Orang Asli di bawah Seksyen 7 Akta Orang Asli (19,713.65 hektar). Tanah Orang Asli yang telah diluluskan oleh MMK tetapi belum warta (30,849.86 hektar).

Terdapat juga tanah Orang Asli yang berstatus dalam permohonan (85,934.80 hektar) untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud

perizaban/pewartaan sebelum diberi hakmilik.

Sehingga kini, terdapat seluas 1,375.87 hektar tanah yang mempunyai status hak milik individu meliputi 81.69 hektar tanah tapak rumah dan 1,294.18 hektar tanah pertanian.

Dasar tersebut juga turut menggariskan kegunaan tanah untuk tapak rumah seluas 1A hingga Vi ekar dan tanah ladang/pertanian seluas 2 hingga 6 ekar tertakluk kepada keluasan setempat.

Berhubung dengan tanah ladang, Kementerian telah mengadakan konsultasi dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi penambahbaikan kepada kandungan dasar berkenaan, di antaranya keluasan tanah ladang yang disyorkan adalah sejumlah 6 hingga 10 ekar untuk setiap KIR. Walau bagaimanapun ianya adalah tertakluk kepada kesesuaian dan keluasan penempatan sediaada dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga konsep pembangunan tanah ladang yang akan diberi hakmilik adalah melalui pembangunan tanah secara berkelompok dan bersepadu, di mana tanah-tanah tersebut akan dibangunkan terlebih dahulu oleh agensi kerajaan atau swasta, manakala suratan hak milik individu akan dikeluarkan setelah ladang matang.

- (b) Merujuk kepada soalan Yang Berhormat berkaitan peruntukan yang disalurkan kepada Kampung Simpang Arang Gelang Patah untuk pembangunan setempat, Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM 1,467,810.00

sepanjang tempoh RMKe9 termasuk tahun 2011 bagi melaksanakan program/ projek pembangunan kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Simpang Arang Gelang Patah, Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara bentuk program dan projek pembangunan yang telah dilaksanakan ialah Program Bantuan Rumah (PBR) meliputi bina baru dan baik pulih (47 unit), Bantuan enjin sangkut dan bot gentian kaca (8 peserta), kerja-kerja menaik taraf kemudahan prasarana meliputi jalan masuk, pusat penggalak pembaca, penyambungan bekalan elektrik dan bekalan

air, pelaksanaan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti Program Ihya Ramadhan dan Maal Hijrah. Pelaksanaan pelbagai program dan projek ini adalah selaras aspirasi kerajaan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli terus terpelihara.

PERMENTERIAN KEMENTERIAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
TARIKH 19 OKTOBER 2011 (RABU)
SOALAN NO. 32

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar kursus diploma kejururawatan di universiti swasta dan kolej swasta di Malaysia dalam tahun 2010 dengan memberi bilangan pelajar di setiap satu semester.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2010, enrolmen pelajar yang sedang mengikuti kursus Diploma Kejururawatan di IPTS adalah seramai 37,702 pelajar iaitu seramai 615 pelajar mengikuti kursus berkenaan di 4 IPTS bertaraf universiti, seramai 13,671 pelajar di 10 IPTS bertaraf kolej universiti dan seramai 23,416 pelajar di 47 IPTS bertaraf kolej.

PEMBERITAHUAN
DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
PERTANYAAN
LISAN

PERTANYAAN
DARIPADA
KAWASAN
TARIKH
NO. SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY AIL R. SANTIAGO
KLANG
19.10.11 (RABU)

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago³³ minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia mengenai desakan pihak Amerika Syarikat supaya menerima dasar mereka dalam bab "*Intellectual Property Rights*" dalam perjanjian perdagangan TPP.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Rundingan Perkongsian Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Partnership* - TPP) telah memasuki pusingan rundingan kelapan. Perbincangan mengenai Hak Harta Intelek (*Intellectual Property Rights* - I PR) walau bagaimanapun masih berada di peringkat awal dan sehingga kini hanya tertumpu kepada proses mendapatkan klarifikasi mengenai elemen-elemen yang dicadangkan untuk dimasukkan dalam bab tersebut. Kumpulan kerja IPR baru menyelesaikan proses

mengkonsolidasi (*consolidation*) teks semua cadangan-cadangan bagi bab tersebut.

2. Memandangkan perbincangan di bawah kumpulan kerja IPR masih dalam peringkat permulaan, Malaysia dan kebanyakan negara TPP yang lain masih belum lagi menggubal pendirian untuk setiap isu IPR.

3. Sepertimana dalam semua rundingan, setiap negara bebas mengemukakan cadangan yang ingin dilihat dalam hasil akhir (*final outcome*) rundingan tersebut. Namun demikian, tiada desakan dari negara yang mengemukakan cadangan, termasuk Amerika Syarikat, supaya negara-negara anggota lain menerima cadangan-cadangan tersebut. Semua cadangan adalah tertakluk kepada rundingan dan akan dimasukkan dalam perjanjian hanya apabila mendapat sokongan semua negara.

4. Kerajaan akan sentiasa mengambil kira kepentingan dan kebajikan Rakyat semasa rundingan FTA. Dalam hal ini, Malaysia akan memastikan bahawa FTA tidak akan menggugat hak Kerajaan untuk melaksanakan fleksibiliti yang telah diperuntukkan di bawah Perjanjian Pelbagaihala seperti *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPs) di bawah WTO bagi memelihara kepentingan Rakyat Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO'NGEH KOO HAM

: [BERUAS]

PERTANYAAN : LISAN

SOALAN NO: 86

TARIKH : 19/10/2011

SOALAN Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan jumlah hutang Kerajaan dan hutang negara pada masa kini dan apakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan hutang-hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM437.2 bilion atau 52.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM421.0 bilion atau 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM16.2 bilion atau 3.7 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Bagi Negeri Sabah, jumlah hutang Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM2.6

bilion.

3. Manakala hutang negara pula merujuk kepada hutang luar negara yang terdiri daripada hutang luar jangka sederhana dan panjang bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta serta hutang jangka pendek sektor perbankan dan swasta. Peratusan hutang negara kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) sehingga 30 Jun tahun 2011 kekal terurus dengan peningkatan kepada RM241.7 bilion, atau 29.5% daripada PNK (2010: RM227.1 bilion; 30.7%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pinjaman bersih jangka pendek serta jangka sederhana dan panjang yang dilakukan oleh sektor swasta.

4. Antara langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang ialah:

- (i) Memastikan jumlah hasil negara lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus, dan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai pebelanjaan pembangunan. Peningkatan hasil diperolehi melalui perkembangan aktiviti ekonomi serta peningkatan dalam pematuhan, penguatkuasaan dan pentadbiran cukai;
- (ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mengelakkan pembaziran. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dalam tempoh jangka masa panjang. Selain daripada itu, pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan diteruskan bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati oleh golongan sasaran yang seterusnya dapat mengurangkan perbelanjaan subsidi tahunan Kerajaan;
- (iii) Memperbanyakkan program perkongsian awam-swasta (*public-private partnership*) terutamanya bagi projek-projek berimpak tinggi seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi, koridor pembangunan wilayah dan infrastruktur pembangunan awam bagi

menambahbaik kedudukan fiskal tanpa menjejaskan matlamat pertumbuhan dan pembangunan yang menyeluruh;

- (iv) Melaksanakan sistem pemantauan hutang yang komprehensif dengan pihak berkuasa memantau rapi paras dan struktur hutang serta obiiigasi meiuunaskan hutang secara keseiuruhannya. Bagi hutang luar negeri, sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang menyeluruh membolehkan pengesanan awal risiko dan kelemahan yang berpunca daripada pendedahan hutang luar negeri secara keseluruhan; dan
- (v) Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.
- (vi) Kerajaan komited dengan konsolidasi fiskal bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat, yang seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam.
- (vii) Dari segi pinjaman sektor swasta pula, kelulusan Bank Negara Malaysia diperlukan bagi pinjaman luar negeri yang melebihi RM5 juta. Kelulusan akan diberi kepada pinjaman untuk membiayai kegiatan produktif serta projek-projek strategik dan juga untuk pelaburan yang akan menjana pendapatan pertukaran asing yang secukupnya untuk menjelaskan hutang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTA JAM]
TARIKH : 19 OKTOBER 2011
NOMBOR

SOALAN NO: 14

YB Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan hospital awam dan swasta di Negeri Pulau Pinang dan bilangan pesakit menerima rawatan di setiap hospital setiap tahun bagi lima tahun yang lepas. Nyatakan jumlah pesakit bukan warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 23 September 2011, terdapat 29 buah hospital di Negeri Pulau Pinang dengan 6 buah hospital milik Kementerian Kesihatan Malaysia (20.7 peratus) dan 23 buah hospital swasta yang berlesen (79.3 peratus).

Dari tahun 2006 sehingga 2010, jumlah pesakit yang mendapat rawatan di semua **Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** di Negeri Pulau Pinang dan peratusan warga asing adalah seperti berikut:

1. Pada tahun 2006, jumlah keseluruhan pesakit yang mendapat rawatan ialah 1,678,563 orang di mana bilangan pesakit bukan warga negara seramai 23,011 orang (3.4%).
2. Pada tahun 2007, jumlah pesakit ialah 1,736,834 orang dengan 23,931 orang pesakit bukan warga negara (1.4%).
3. Pada tahun 2008, jumlah pesakit ialah 1,826,200 orang dengan 28,655 orang pesakit bukan warga negara (1.6%).
4. Pada tahun 2009, jumlah pesakit ialah 1,999,555 orang dengan 32,144 orang pesakit bukan warga negara (1.6%).
5. Pada tahun 2010, jumlah pesakit ialah 2,065,510 orang dengan 35,228 orang pesakit bukan warga negara (1.7%).

Bagi **hospital swasta** di Negeri Pulau Pinang dari tahun **2008** hingga 2010 jumlah pesakit yang mendapat rawatan dan peratusan warga asing adalah:

1. Pada tahun 2008, jumlah keseluruhan pesakit yang mendapat rawatan ialah 135,696 orang dengan bilangan **pesakit dalam** bukan warga negara seramai 12,341 orang (9.1%).
2. Pada tahun 2009, jumlah pesakit ialah 320,072 orang dengan bilangan **pesakit dalam** bukan warga negara seramai 15,115 orang (4.7%).
3. Pada tahun 2010, jumlah pesakit ialah 333,082 orang dengan bilangan **pesakit dalam** bukan warga negara seramai 15,515 orang (4.7%).

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]
TARIKH 19 OKTOBER 2011
SOALAN**

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tahap risiko penularan virus selesema burung H5N1, yang dianggap lebih berbahaya daripada virus terdahulu, di negara kita memandangkan virus tersebut sudah pun dilaporkan tersebar di Kemboja, Thailand dan Indonesia dan apakah pula langkah persediaan yang sedang diambil bagi menanganinya.

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan kepada pemantauan *WHO Global Influenza Surveillance and Response System*, tahap risiko penularan virus selesema burung H5N1 clade 2.3.2.1 yang baru dikesan pada Februari 2011 adalah tidak sampai ke tahap yang boleh mengancam kesihatan awam. Setakat ini virus H5N1 clade 2.3.2.1 hanya dikesan di kalangan unggas di Vietnam dan Kemboja, dan tiada jangkitan influenza H5N1 antara manusia ke manusia dilaporkan.

Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah persediaan bagi menghadapi ancaman virus H5N1 yang baru tersebut seperti:-

1. Memperkukuhkan sistem arahan wabak melalui 'Crisis Preparedness and Response Centre' (CPRC).
2. Mempertingkat dan memperkukuhkan aktiviti surveilan 'Influenza-Like Illness' (ILI).
3. Menyediakan garis panduan, fasiliti kesihatan dan makmal berkeupayaan bagi mengesan dan merawat kes-kes H5N1.
4. Bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta menjalankan latihan simulasi bersama bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan petugas-petugas kedua-dua sektor dalam menghadapi kejadian wabak H5N1. Latihan yang terbaru telah diadakan dengan jayanya di Muar, Johor pada 21 September 2011.

Soalan No :37

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN DARI DEWAN LISAN
DARIPADA RAKYAT Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)

TARIKH 19.10.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian akan mula membina sekolah menengah berasrama penuh yang pertama di Pulau Buit yang kini mempunyai 10 sekolah rendah sedangkan tanah bagi tujuan tersebut telahpun disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, terdapat dua (2) buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di negeri Sarawak iaitu Sekolah Menengah Sains Kuching dan Sekolah Menengah Sains Miri. Di samping itu, sebuah lagi SBP sedang dibina di Kuching Utara dan dijangka siap dalam masa terdekat. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpandangan tiga buah sekolah tersebut telah dapat menampung keperluan semasa. Oleh yang demikian, pada masa ini, KPM belum merancang untuk membina sebuah lagi SBP di Pulau Buit, Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

**SOALAN
DARIPADA**

**BAGI JAWAB LISAN
DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

TARIKH

19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

38

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed (Sekijang) minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan berapa banyakkah kenderaan yang
didaftar di Malaysia pada tahun 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011.
Berikan pecahan mengikut negeri.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah keseluruhan kenderaan yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sehingga 31 Ogos 2011 adalah berjumlah 21,021,217 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,188,047 buah kenderaan yang telah didaftarkan daripada tahun 2007 sehingga 31 Ogos 2011. Pecahan kenderaan yang didaftarkan bagi tempoh tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH
Perlis	22,637
Kedah	248,352
Pulau Pinang	489,225
Perak	391,890
Selangor	475,655
Wilayah Persekutuan	1,355,186
Negeri Sembilan	159,402
Melaka	157,986
Johor	679,164
Pahang	213,776
Terengganu	145,219
Kelantan	201,983
Sabah	290,585

Sarawak	356,987
JUMLAH	5,188,047

Perincian kenderaan berdaftar bagi tempoh tersebut mengikut tahun dan negeri akan dikemukakan kepada YB Sekijang secara bertulis.

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN LISAN
RAKYAT Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
(KENINGAU)

TARIKH 19.10.2011

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mempertimbangkan untuk memberi autonomi khas kepada Pengarah Pelajaran (Sabah) dalam memberi kelulusan peruntukan untuk membolehkan sebarang keperluan mendesak dapat diatasi dengan segera.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memastikan semua keperluan-keperluan pendidikan di semua peringkat pengurusan adalah sempurna dan mencukupi. Sebarang keputusan untuk melaksanakan sesuatu projek atau program adalah berdasarkan kepada perancangan yang teliti dan bersepadu. Ini adalah bertujuan bagi memastikan semua projek atau program yang dibuat adalah menepati sasaran yang telah ditetapkan dan sampai kepada kumpulan sasaran.

Justeru, semua cadangan, perancangan diperolehi daripada semua peringkat pengurusan sama ada peringkat sekolah, daerah dan negeri sehingga diputuskan oleh pengurusan tertinggi di kementerian.

NO. SOALAN : 40

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH 19 OKTOBER 2011 (RABU)

SOALAN

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta PERDANA MENTERI menyatakan siapakah pemilik sesuatu harta yang telah dicagarkan kepada institusi kewangan apabila seseorang itu diisytiharkan sebagai

NO. SOALAN : 41

'mufliis' oleh mahkamah di atas sebab ianya tidak dapat melangsaikan hutangnya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, apabila seseorang itu diisytiharkan bankrap dengan perintah mahkamah, segala harta individu tersebut termasuklah hartanah akan terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia (KPI) bagi tujuan menjual dan mengagihkan hasil jualan tersebut kepada para pemiutang.

Walau bagaimanapun sekiranya hartanah tersebut bercagar kepada

institusi kewangan, mereka akan menjadi pemiutang keutamaan (*secured creditors*) yang diberi hak untuk menghasilkan atau berurusan dengan harta yang dicagarkan dengan cara yang mereka fikirkan bersesuaian selaras dengan perjanjian yang dibuat dan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

Dalam keadaan ini, pihak pemegang gadaian kebiasaannya akan membuat lelongan bagi mendapatkan semula jumlah hutang mereka. Sekiranya terdapat wang lebihan, jumlah tersebut akan diserahkan kepada KPI bagi faedah pemiutang-pemiutang yang lain dan jika terdapat kekurangan, pihak pemegang gadaian boleh memfailkan tuntutan terhadap estet kebangkrapan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN PEMBERITAHU PERTANYAAN
DARIPADA DEWAN RAKYAT. MALAYSIA
LISAN
KAWASAN DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
TARIKH NO. PULAI
SOALAN 19.10.2011 (RABU)
41

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan peranan InvestKL untuk menarik pelabur ke Lembah Kelang. Jelaskan sama ada peranan dan kuasa agensi ini bertindih dengan MIDA dan MATRADE yang memainkan peranan menarik pelabur asing selama ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Peranan dan bidang kuasa InvestKL adalah berbeza dan tidak bertindih dengan fungsi dan bidang kuasa dua agensi di bawah Kementerian ini iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan

Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

InvestKL telah ditubuhkan untuk menarik pelaburan daripada svarikat-svarikat qerqasi luar negara untuk menempatkan Pusat Qperasi Serantau dan Global mereka di Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV). InvestKL telah mula beroperasi sejak bulan Jun 2011.

MIDA pula telah ditubuhkan sebagai agensi penggalakan pelaburan utama bagi menarik pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di seluruh Malaysia. MATRADE pula memfokus kepada mempromosi dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan ke atas eksport produk perkilangan dan separa kilang.

Adalah ielas bahawa ketiga-tiga agensi ini mempunyai fokus yang berbeza dalam menarik pelaburan dan mempromosi perdagangan, yang mana:

- InvestKL menumpu kepada menggalakkan penubuhan Pusat Qperasi Serantau dan Global di Greater KL/KV;
- MIDA menumpu kepada menggalakkan pelaburan dalam

sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia; dan

- MATRADE menumpu kepada promosi eksport dan produk-produk perkilangan tempatan.

Walaupun fungsi InvestKL, MIDA dan MATRADE adalah berbeza, ketika-tika agensi ini saling bergantung dan melengkapi antara satu dengan lain dalam meniana ekonomi negara dan memastikan sasaran di bawah Program Transformasi Ekonomi tercapai.

iaitu 15 peratus penggunaan pengangkutan awam pada waktu puncak pagi di Lembah Kelang.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, antara cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan NKRA-Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar adalah:

a) Lebihan Muatan Kapasiti Bagi Perkhidmatan Rel

Perkhidmatan rel terutama bagi perkhidmatan KTMB Komuter dan LRT ketika ini mengalami masalah lebihan muatan kapasiti penumpang. Ini menyebabkan penumpang terpaksa berasak-asak untuk menggunakan perkhidmatan berkenaan terutama bagi waktu puncak pagi. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah memutuskan untuk membuat perolehan 38 set *Electric Multiples Unit* (EMU) 6 gerabak bagi perkhidmatan KTMB Komuter yang mana set pertama dijangka akan dilancarkan pada Disember 2011. Bagi perkhidmatan LRT, Syarikat Prasarana Negara Berhad telah dan sedang melaksanakan perkhidmatan baru LRT 4 gerabak bagi laluan Kelana Jaya bagi menampung bilangan penumpang yang semakin meningkat.

b) Kekerapan waktu ketibaan yang panjang

Sebagai makluman, penumpang bagi perkhidmatan KTMB Komuter ketika ini terpaksa menunggu diantara 15 sehingga 30 minit bagi setiap ketibaan tren. Ini menimbulkan rungutan dan masalah kepada orang ramai yang terpaksa menunggu perkhidmatan Komuter terutama pada waktu puncak pagi. Masalah ini dijangka dapat diatasi

menjelang Disember 2012 dengan perolehan 38 set EMU. Dengan perkhidmatan Komuter yang baru ini, tempoh kekerapan ketibaan akan dapat dikurangkan iaitu kepada 10 minit.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, tahap kebolehpercayaan pengguna terhadap perkhidmatan pengangkutan awam ketika ini masih rendah walaupun secara umumnya terdapat peningkatan terhadap kualiti perkhidmatan pengangkutan awam sejak NKRA-Pengangkutan Awam Bandar dilaksanakan pada tahun 2010.

Sehubungan dengan itu, segala perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang melibatkan penambahbaikan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam sedang giat dilaksanakan. Ini membolehkan pengguna pengangkutan awam terutama di sekitar Lembah Klang menikmati perkhidmatan pengangkutan awam dengan lebih berkesan dan bersistematik menjelang tahun 2012.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]
Tarikh Menjawab	19 Oktober 2011 (Rabu)
Soalan	No. 43

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan harga getah dalam keadaan sentiasa stabil.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil usaha memastikan harga getah berada dalam keadaan stabil di pasaran. Harga getah asli wajar dikekalkan pada paras yang optimum agar ia menguntungkan kepada pekebun-pekebun kecil dan juga pengeluar-pengeluar produk getah di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Harga getah Gred SMR 20 telah meningkat daripada RM5.23 sekilogram pada tahun 2005 kepada RM 10.58 sekilogram pada tahun 2010. Paras tertinggi dalam sejarah yang telah dicapai adalah RM17.17 sekilogram iaitu pada 18 Februari 2011. Bagi tempoh Januari hingga September 2011 harga purata Gred SMR 20 adalah RM14.30 sekilogram.

Usaha-usaha yang diambil bagi memastikan harga getah terus kekal di paras yang tinggi, adalah:

- i. mengimbangi permintaan dan penawaran getah asli melalui kerjasama dengan negara-negara pengeluar getah asli utama yang lain iaitu Thailand dan Indonesia dalam *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*;
- ii. pemantauan aktiviti pasaran getah antarabangsa oleh kumpulan pakar dari Thailand, Indonesia dan Malaysia; dan

?

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT

KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

- iii. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk mempelbagaikan kegunaan getah seperti pengeluaran produk getah yang mesra alam.

NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA
LISAN

DARIPADA PE
RT
AN
TARIKH YA
AN

TUAN TENG BOON
SOON (TEBRAU)
19.10.2011 (RABU)

TUAN TENG BOON SOON (TEBRAU) minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah
langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah "Mismatch" antara
kadar kenaikan gaji dan kadar peningkatan harga barangan untuk membantu
1/3 rakyat negara yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM700.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat prihatin dengan beban kenaikan kos hidup yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan pekerja yang berpendapatan rendah. Golongan ini merupakan 52.7% daripada jumlah isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan manakala bagi yang berpendapatan kurang daripada RM1.000 sebulan adalah hanya 7.3%.

Sejak pertengahan tahun 2010, inflasi telah mula mencatatkan peningkatan. Kenaikan inflasi ketika ini adalah berpunca daripada lonjakan harga komoditi global terutamanya bahan api dan komoditi makanan yang terjejas bekalannya daripada negara sumber. Oleh yang demikian, inflasi telah naik 1.7% bagi tahun

2010 berbanding 0.6% pada tahun 2009. Manakala bagi tempoh lapan bulan pertama 2011, inflasi telah mencatat 3.1%. Inflasi mula mencatatkan penurunan

sejak mencatat paras tertinggi 3.5% pada bulan Jun, dan menurun 3.3% pada bulan Ogos 2011.

Tuan Yang Di-Pertua,

Menyedari akan bebanan yang perlu ditanggung dan jerih yang perlu dilalui oleh mereka, Kerajaan dalam membela nasib mereka telah mengambil langkah- langkah seperti berikut:

- i. Terus memberikan subsidi bagi barangan keperluan asas makanan seperti beras (ST15%) dan gula, petrol, LPG dan menghapuskan duti import beberapa barangan makanan terpilih;
 - ii. Terus memberikan subsidi bagi barangan keperluan asas makanan seperti beras (ST15%) dan gula, petrol, LPG dan menghapuskan duti import beberapa barangan makanan terpilih;
 - iii. Terus memberikan subsidi bagi barangan keperluan asas makanan seperti beras (ST15%) dan gula, petrol, LPG dan menghapuskan duti import beberapa barangan makanan terpilih;
 - iv. Terus memberikan subsidi bagi barangan keperluan asas makanan seperti beras (ST15%) dan gula, petrol, LPG dan menghapuskan duti import beberapa barangan makanan terpilih;
- i. Terus memberikan subsidi bagi barangan keperluan asas makanan seperti beras (ST15%) dan gula, petrol, LPG dan menghapuskan duti import beberapa barangan makanan terpilih;
 - ii. Mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dengan jenama "1 Malaysia" dan dijual pada harga yang hampir 40% lebih rendah berbanding di pasaran. Tambahan 85 unit lagi KR1M akan dibuka pada 2012 melibatkan peruntukan RM40 juta;
 - iii. Memperkenalkan Menu Rakyat 1 Malaysia dengan tawaran harga yang mampu dinikmati pada RM2 untuk sarapan dan RM4 untuk hidangan tengah hari. Pada masa ini, program ini disertai oleh

seramai 700 pengendali kedai makanan dan bilangannya dijangka akan mencecah sehingga 3,000 orang menjelang 2012.

- iv. Membina lebih banyak rumah perumahan rakyat (PPR) di seluruh negara (tambahan 75,000 unit akan dibina di bawah Rmke-10) bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah;
- v. Menjadikan pembelajaran sekolah percuma sepenuhnya (menghapuskan yuran sekolah rendah (RM24.50) dan sekolah menengah (RM33.50). Penghapusan yuran ini melibatkan peruntukan RM150juta;
- vi. Membina tambahan 50 buah klinik 1 Malaysia di samping menaik taraf 81 buah klinik kesihatan di luar bandar;
- vii. Memberi bantuan RM500 kepada isirumah berpendapatan RM3.000 dan ke bawah; bantuan persekolahan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara sebanyak RM100 dari darjah 1 hingga tingkat 5; memberikan baucer buku bernilai RM200 kepada semua penuntut di institusi pengajian awam dan swasta, matrikulasi dan tingkatan 6; bantuan kepada kanak-kanak miskin sebanyak RM100 sebulan (maksimum RM450) di bawah program KAR1SMA; dan
- viii. Terus memberi subsidi elektrik bagi penggunaan di bawah RM20, dan meneruskan pembayaran subsidi, insentif dan program bantuan yang berjumlah RM33.2 bilion.

Dari segi gaji dan produktiviti pekerja, Kerajaan juga berpandangan bahawa golongan pekerja seharusnya mendapat upah dan ganjaran yang lebih tinggi untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. Namun demikian, dalam Bajet 2011, Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara untuk menjadi platform utama dalam menetapkan upah, terutamanya kadar dan mekanisme penetapan gaji minimum. Sehubungan itu, satu Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 telah diluluskan pada 12 Julai 2011 dan Majlis Perundingan Gaji telah ditubuhkan pada bulan September 2011 untuk menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai gaji

minimum.

